




Raja Nong Chik (kiri) beramah mesra dengan penduduk ketika menyampaikan daging korban pada majlis korban di Masjid Ar-Rahman, Jalan Pantai anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Lembah Pantai, semalam.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

Projek ROL dimulakan tahun depan

Kuala Lumpur: Projek Sungai Nadi Kehidupan (ROL) dijangka bermula tahun depan dengan memfokuskan bahagian sungai sepanjang tiga kilometer di Masjid Jamek membabitkan kos RM500 juta.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik, berkata reka bentuk bagi projek berkenaan sudah disediakan syarikat perunding, Aecom Sdn Bhd, manakala tender bagi memulakan kerja pembangunan akan dikeluarkan tidak lama lagi sebelum projek dijangka dimulakan tahun depan.

Kerja bersih sungai diteruskan

“Pada masa ini kerja pembersihan sungai yang bermula sejak dua tahun lalu masih berjalan membabitkan kawasan di Selangor dan Wilayah Persekutuan,” katanya pada Majlis Ramah Mesra bersama Ahli Jawatankuasa dan Kakitangan Masjid dan Surau Parlimen Lembah Pantai sempena Korban Perdana Aidiladha 1433 Hijrah di Masjid Ar Rahman, di sini semalam.

Program anjuran Permuafakatan Masjid dan Surau Parlimen Lembah Pantai serta Pusat Khidmat Masyarakat Lembah Pantai itu memperuntukkan 74 lembu korban membabitkan 40 masjid dan surau.

“Majlis korban di Masjid Ar Rahman adalah acara kemuncak program Korban Perdana tahun ini. Program ini akan diteruskan bagi menguatkan perpaduan penduduk termasuk di kawasan Projek Perumahan Rakyat dan kampung tradisi sekitar Lembah Pantai,” katanya.